

BAHASA MELAYU



**KATA HUBUNG &
AYAT MAJMUK**

NAMA :

KELAS :



KATA HUBUNG

- I. Kata hubung ialah perkataan yang menghubungkan atau menyambungkan dua ayat tunggal atau lebih ayat tunggal.
2. Ayat yang terhasil daripada penyambungan dua ayat atau lebih daripada dua ayat dinamakan ayat majmuk.



AYAT MAJMUK

- I. Ayat majmuk ialah ayat yang mengandungi lebih daripada satu subjek atau predikat yang digabungkan dengan kata hubung.

Contoh

Ayat majmuk	Kata hubung	Ayat tunggal
Suhaili suka makan nasi lemak dan mi sup.	dan	(a) Suhaili suka makan nasi lemak. (b) Suhaili suka makan mi sup.
Rumah yang besar itu rumah Fazli.	yang	(a) Rumah itu besar. (b) Rumah itu rumah Fazli.
Dia memberitahu bahawa kakaknya akan melanjutkan pelajaran ke luar Negara.	bahawa	(a) Dia memberitahu. (b) Kakaknya akan melanjutkan pelajaran ke luar Negara.
Dia akan balik ke kampung apabila ada masa lapang.	apabila	(a) Dia akan balik ke kampung. (b) Dia ada masa lapang.
Doktor memuji Hana kerana Hana menjaga giginya dengan baik.	kerana	(a) Doktor memuji Hana. (b) Hana menjaga giginya dengan baik.



Latihan I

Gabungkan ayat-ayat tunggal di bawah dengan kata hubung yang diberi supaya menjadi ayat majmuk.

1. Ayah membaca surat khabar.
Ayah menonton televisyen.

sambil

2. Hanita tinggal di Taman Aman.
Suresh tinggal di Taman Aman

dan

3. Amran melayari internet.
Amran mencari maklumat terbaru.

untuk

4. Kasut itu berwarna biru.
Kasut itu sangat mahal.

yang

5. Kami terkejut.
Kami terdengar bunyi letupan.

apabila

6. Halim kaya.
Halim kedekut.

tetapi

7. Murid itu mengeluk pintu.
Murid itu masuk ke dalam bilik darjah.

sebelum




Latihan 2

A. Isi tempat kosong dengan kata hubung yang sesuai.

sambil kerana lalu dan tetapi

1. Aida menangis _____ penselnya hilang.
2. Syamimi menunggang basikal _____ mendengar radio.
3. Badan Rosli kurus _____ kuat.
4. Puan Lim membuka pintu _____ masuk ke dalam rumah.
5. Encik Yusof membeli sepasang kasut _____ sehelai kemeja.

B. Isi tempat kosong dengan perkataan yang tepat.




1. Awak hendak ikut kami _____ tidak.
2. Abang melukis gambar _____ bernyanyi.
3. Pei Yee, Bee Chin _____ Alia belajar bersama-sama.
4. Sungguhpun dia anak orang kaya _____ dia tidak sompong.
5. Kakak menangis _____ dimarahi ibu.
6. Cikgu Zaid menasihati Azian _____ belajar bersungguh-sungguh.



Latihan 3

Pilih kata hubung yang sesuai. Isi tempat kosong.


dan atau tetapi kerana hingga



1. Mei Hwa _____ Soh Kim berkawan baik.



3. Adik menangis _____ perutnya sakit.



5. Kakak ketawa _____ keluar air matanya.



Latihan 3

Lengkapkan ayat di bawah dengan perkataan yang diberi.

sambil


dan

kerana


lalu

tetapi


1. Saya _____ Karim bermain sepak raga.



2. Papan congkak ini cantik _____ baru dicat.



3. Wau ayah Farid cantik _____ telah koyak.



4. Samad mengambil wau _____ ke padang.



5. Mereka bermain congkak _____ mendengar radio.





Latihan 4

Buatkan kata hubung yang sesuai.

1



Budak itu gemuk _____ tidak sihat.
A atau B dan C tetapi

2



Dini menyimpan buah epal _____ oren ke dalam peti sejuk.
A atau B dan C tetapi

3




Rumah Jeeva di sebelah kiri _____ kanan?
A atau B dan C tetapi

4



Ayah membeli sebuah kereta _____ sebuah rumah baharu.
A atau B dan C tetapi

5



Walaupun keluarga Azmi miskin _____ mereka hidup dengan gembira.
A atau B dan C tetapi




Latihan 5


Cantumkan ayat-ayat tunggal di bawah menjadi ayat majmuk.

1

- (a) Pak Tan mengait buah manggis.
(b) Pak Tan mengait buah mangga. dan



2



- (a) Dia sedang bermain?
(b) Dia sedang bersenam? atau

3

- (a) Asrul ingin membeli basikal.
(b) Asrul tidak mempunyai wang. tetapi




4



- (a) Cikgu Lam guru kelas kamu?
(b) Cikgu Yap guru kelas kamu? atau

5

- (a) Ayah melancong ke Pulau Langkawi.
(b) Ibu melancong ke Pulau Langkawi. dan






Latihan 6

Bulatkan penggunaan kata hubung yang betul dalam ayat.

1. Awak hendak ke zoo (atau / dan) muzium?




2. Bapa menghadiahkan kereta mainan (dan / atau) buku cerita kepada saya.



3. Gigi Vicent putih (dan / atau) bersih.



4. Kamu suka makan daging (dan / atau) ikan?



5. Sayur-sayuran (atau / dan) buah-buahan dapat mencegah penyakit.

